



**KWSP**<sup>®</sup>  
**EPF**



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut



KWSPMalaysia



**KWSP**<sup>®</sup>  
**EPF**



## **CARUMAN MANDATORI KWSP KEPADA PEKERJA BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA**

[www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my)

## TUJUAN

Tujuan caruman KWSP diwajibkan kepada pekerja bukan warganegara Malaysia adalah untuk memupuk kesaksamaan dan keadilan dalam pasaran tenaga kerja tanpa mengira kewarganegaraan, selaras dengan piawaian keselamatan sosial antarabangsa.

## SIAPA YANG WAJIB MENCARUM

MAJIKAN	AHLI
Majikan kepada pekerja bukan warganegara Malaysia.	Pekerja bukan warganegara Malaysia yang memiliki pasport dan pas kerja yang sah (kecuali orang gaji domestik*) wajib didaftarkan dan dicarum oleh majikan. Berumur 75 tahun ke bawah

\*Menurut Seksyen 3, Akta Pampasan Pekerja 1952, 'orang gaji domestik' merujuk kepada individu yang bekerja sebagai, antara lain: Pembantu rumah, Tukang masak, Tukang kebun, Tukang cuci, Pengasuh (*babysitter*), pemandu dan seumpamanya.

## SIAPAKAH YANG TERLIBAT

Caruman mandatori akan diperluaskan untuk merangkumi semua pekerja bukan warganegara Malaysia yang bekerja di Malaysia (kecuali orang gaji domestik\*), yang mempunyai pasport dan pas kerja yang masih sah tempoh yang dibenarkan bekerja oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

## KADAR CARUMAN

Syer Majikan

2%

Syer Pekerja

2%

## JENIS PAS

Pekerja bukan warganegara Malaysia yang telah diambil bekerja oleh majikan mulai gaji Oktober 2025 dan memegang salah satu daripada jenis pas di bawah adalah diwajibkan mencarum dengan KWSP:

- i Pas Lawatan Kerja Sementara (Pekerja Asing kecuali Pembantu Rumah Asing)
- ii Pas Penggajian
- iii Pas Lawatan (Ikhtisas)
- iv Pas Pelajar
- v Pas Residen
- vi Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang

### Nota:

- a) Tanggungan untuk mencarum adalah terpakai kepada pekerja bukan warganegara Malaysia yang telah diambil bekerja oleh majikan dan menerima upah mulai gaji Oktober 2025.
- b) Kebenaran bekerja bagi Pas Lawatan (Ikhtisas), Pas Pelajar, Pas Residen dan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Jabatan Imigresen Malaysia.

## BILAKAH CARUMAN MANDATORI PEKERJA BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA AKAN BERKUAT KUASA?

Bermula gaji **Oktober 2025**



## TINDAKAN MAJIKAN

- 1 Mendaftar sebagai majikan\* dengan KWSP
- 2 Mendaftarkan pekerja bukan warganegara Malaysia sebagai ahli KWSP
- 3 Membayar caruman untuk pekerja
- 4 Menyenggara rekod penggajian
- 5 Mengemas kini rekod

\*Bagi majikan yang sedang menggajikan pekerja warganegara dan bukan warganegara Malaysia, majikan tidak perlu kemukakan pendaftaran baharu. Majikan boleh menggunakan nombor majikan sedia ada.

\*\* Majikan digalakkan untuk membantu pekerja dengan memberi panduan umum berhubung proses pengeluaran KWSP, termasuk memberi maklumat tentang saluran rasmi KWSP atau membantu dalam penyediaan dokumen yang melibatkan majikan apabila diperlukan. Permohonan pengeluaran hendaklah dibuat sendiri oleh ahli, dan majikan tidak dibenarkan membuat permohonan bagi pihak pekerja.

## MANFAAT KEPADA PEKERJA

Selepas pelaksanaan caruman mandatori ini, pekerja bukan warganegara Malaysia yang mencarum dengan KWSP akan layak menerima pelbagai kemudahan dan manfaat KWSP, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan KWSP:

Pengeluaran Sebahagian	Pengeluaran Penuh	Caruman Sukarela	Lain-Lain Kemudahan / Manfaat
<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengeluaran Akaun Fleksibel</li><li>• Pengeluaran Perumahan</li><li>• Pengeluaran Kesihatan</li><li>• Pengeluaran Umur 50</li><li>• Pengeluaran Pendidikan</li><li>• Pengeluaran Simpanan Melebihi RM1 Juta</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengeluaran Kematian (kecuali bayaran bantuan kematian)</li><li>• Pengeluaran Hilang Upaya (kecuali bayaran bantuan hilang upaya)</li><li>• Pengeluaran Meninggalkan Negara</li><li>• Pengeluaran Umur 55 &amp; 60</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mencarum melebihi kadar berkanun</li><li>• i-Sayang (sebagai pencarum)</li><li>• Caruman kepada Ahli Lain (sebagai pencarum)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dividen Tahunan</li><li>• Pendaftaran Pilihan Simpanan Syariah</li><li>• Pindahan Simpanan Antara Akaun KWSP Diri Sendiri</li></ul>

Nota: Bagi Pengeluaran Sebahagian Umur 55 dan 60 Tahun, pengeluaran hanya boleh dibuat mulai April 2026